



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENGAMBILAN DARAH DI FARMASI KOMUNITI

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin memberikan penjelasan berhubung penyediaan perkhidmatan saringan kesihatan, termasuk pengambilan darah (*blood testing/phlebotomy*) di premis atau kemudahan farmasi komuniti. Kementerian mengakui peranan farmasi komuniti adalah penting dalam menyumbang kepada ekosistem penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Pengambilan darah merupakan suatu prosedur klinikal yang memerlukan pematuhan kepada standard keselamatan serta pengurusan risiko yang sewajarnya dan perlu dilaksanakan di fasiliti kesihatan yang mematuhi peruntukan undang-undang sedia ada. Merujuk seksyen 2 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586], perkhidmatan saringan kesihatan, termasuk pengambilan darah adalah terangkum di dalam perkhidmatan jagaan kesihatan.

Oleh itu, berdasarkan kepada kerangka perundangan sedia ada, premis yang menjalankan aktiviti pengambilan darah disifatkan menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan yang tertakluk kepada keperluan pendaftaran dan pelesenan bawah Akta 586. Menjalankan perkhidmatan ini tanpa pendaftaran atau lesen sah di bawah Akta 586 adalah satu kesalahan yang boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga 6 tahun, atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan akan terus mempertingkatkan penguatkuasaan bagi memastikan penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan dijalankan di premis fasiliti kesihatan yang berdaftar atau berlesen selaras dengan ketetapan undang-undang. Penegakan kepada keperluan pelesenan dan pendaftaran ini adalah penting untuk memastikan keselamatan, kualiti, dan akauntabiliti perkhidmatan kepada masyarakat serta melindungi farmasi komuniti daripada risiko undang-undang dan reputasi.

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
30 APRIL 2026**

